



23

MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 6/2013

Rujukan : Bil (23) dlm.MBI.B1 /12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

11 Jun 2013

Y. Bhg. Datuk Bandar /
Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya /
Timbalan -Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PENERAPAN KONSEP “BEST VALUE FOR MONEY” DALAM PROSES PEROLEHAN MAJLIS

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa disarankan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit untuk menerapkan konsep “Best Value For Money” dalam proses perolehan bekalan/kontrak kerja/perkhidmatan di Jabatan/Bahagian/Unit masing - masing agar sumber kewangan Majlis dibelanjakan secara optimum dan berpatutan.

3. Sehubungan dengan itu, dalam menerapkan konsep di atas, Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dipohn agar memantau setiap perolehan yang dibuat dengan memastikan **perbandingan harga** dan **kajian pasaran** dilaksanakan bagi setiap perolehan yang dibuat serta memastikan perbelanjaan tersebut **mengikut peruntukan** yang telah disediakan dalam Bajet Majlis.

4. Selain dari itu, Ketua/Jabatan/Bahagian/Unit perlu **memantau prestasi pembekal/kontraktor** yang telah dilantik dari masa ke semasa sepanjang tempoh kontrak agar setiap perolehan yang dibuat mengikut spesifikasi kualiti/kerja/perkhidmatan yang ditetapkan oleh Majlis. Pemantauan ke atas prestasi pembekal/kontraktor ini adalah penting bagi memastikan tiada bebanan kos dan risiko tambahan kepada Majlis setelah pembekalan/kerja/perkhidmatan siap kelak.

5. Adalah diharapkan agar dengan pemantauan berterusan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit bagi perkara - perkara di atas dapat memastikan konsep “Best Value For Money” ini tercapai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“CINTAILAH BANDARAYA IPOH”

Saya yang menyatakan perintah,

(DATO' HAJI ROSHID BIN HAJI HASHIM)
Datuk Bandar Ipoh



“INOVASI PEMACU TRANSFORMASI”